



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

---

### **LAWATAN RASMI YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE THAILAND**

---

**PUTRAJAYA, 1 JUN 2025** – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan hari ini melengkapkan lawatan kerja beliau ke Thailand yang telah bermula pada 29 Mei 2025.

Program rasmi YB Menteri di Thailand dimulakan dengan pertemuan dua hala bersama rakan sejawat beliau, PYT Prof. Dr. Narumon Pinyosinwat, Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand. Dalam pertemuan tersebut, YB Menteri menzahirkan hasrat supaya Memorandum Persefahaman antara kedua-dua negara yang kini dalam rundingan peringkat akhir dapat dimuktamadkan dan ditandatangani segera.

Selain itu, kedua-dua pemimpin turut membincangkan kerjasama sedia ada dalam subsektor tanaman, ternakan dan perikanan, termasuk usaha-usaha melancarkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Thailand.

YB Menteri seterusnya telah mengunjungi THAIFEX - Anuga Asia, satu ekspo perdagangan tahunan bagi sektor makanan dan minuman (F&B) yang melibatkan penyertaan pempamer antarabangsa. Semasa kunjungan ini, YB Menteri telah merasmikan Pavilion Malaysia yang membawa penyertaan 137 syarikat dari Malaysia. Penyertaan Malaysia dalam ekspo ini juga telah menyaksikan pemeteraian 2 memorandum persefahaman dengan nilai keseluruhan RM17 juta.

Lawatan kerja YB Menteri diakhiri dengan kunjungan ke Kubota Farm, sebuah pusat inovasi pertanian yang dibangunkan oleh syarikat Siam Kubota. Di sini, YB Menteri telah dibawa melihat teknologi dan inovasi sektor pertanian yang sedang dilaksanakan oleh Kubota dan melihat potensi kerjasama yang boleh dilaksanakan

dengan sektor pertanian di Malaysia. Sempena kunjungan ini juga, YB Menteri telah diberi penghormatan menanam pokok “yellow star” di dalam kawasan Kubota Farm.

Lawatan kerja YB Menteri ke Thailand ini telah disertai oleh Tuan Bong Yik Jui, Kuasa Usaha Sementara Malaysia ke Thailand serta pegawai-pegawai kanan dari KPKM dan Kedutaan Malaysia di Bangkok.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

